



ARCHIVE UNIT
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

UNIT ARKIB ILMIAH
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
SOURCE: BH
DATE: 29/08/2021
PAGE & COLUMN: 12 (S-9) Nasional

KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

UUM / AAG4 / BH / 29.08.2021 / P: 12 (S-9)

Gandingan menteri lama, muka baharu jamin kestabilan politik

BH, 29/08/2021, M/S 12, (S-9) Nasional

Ahmad
Martadha
Mohamed

dan beberapa menteri ditukar portfolio.
Langkah ini penting terutama pelantikan semula menteri daripada Kabinet terdahulu kerana mereka sudah mengetahui bidang tugas dilaksanakan sebelum ini. Semua ini penting untuk kestabilan dalam kerajaan, yang menteri dilantik sudah mengetahui tugas dan tanggungjawab diamanahkan.

S: Bagaimanakah pula dengan jawatan Timbalan Perdana Menteri dikosongkan dengan rangka pembentukan kan maslah mengemukakan acuan sama, iaitu mengemukakan portfolio menteri kanan?

Soalan (S): Bagaimanakah Prof melihat pembentukan Kabinet kali ini?
Jawapan (J): Secara umumnya, ia adalah untuk kestabilan dan kesinambungan dalam pentadbiran kerajaan. Saya melihat majoriti dalam Kabinet terdahulu dilantik semula dan beberapa muka baharu dipilih, manakala pemimpin berpengalaman serta pernah menjadi menteri diberikan tempat

J: Pelantikan empat menteri kanan selaras pentadbiran sebelum ini, memudahkan urusan kerana mereka mengetahui portfolio penting untuk negara, iaitu perdagangan, pertahanan, pembangunan dan pendidikan.
Keempat-empatnya sudah melaksanakan peranan dan fungsi Timbalan Perdana Menteri. Ini juga mudah Perdana Menteri mengarahkan keempat-empat Menteri Kanan dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Ini strategi baik untuk kestabilan politik dan pentadbiran. Sebelum ini pun, ada pihak mendesak jawatan Timbalan Perdana Menteri

diberikan kepada parti mereka hingga mewujudkan perpecahan dalam Kabinet.

Dibimbangi pelantikan Timbalan Perdana Menteri akan mewujudkan perpecahan dalam Kabinet dan antara parti gabungan membentuk kerajaan. Ini jelas dapat menurangkan perpecahan dan konflik dalam tempoh tidak sampai dua tahun penggal kerajaan berakhir.

Jika ada unsur perpecahan mengganggu-gugat sebaiknya ia dielakkan lebih awal. Saya berpandangan ini strategi sangat baik pada waktu ini.

S: Bagaimanakah Prof melihat pertukaran kedudukan Menteri Kesihatan serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang kini masing-masing disandang Khairy Jamaluddin serta Datuk Seri Dr Adham Baba.

J: Khairy dilihat sangat cemerlang dalam tugasnya terutama berkaitan program vaksinasi yang ia menjadi antara agenda penting kerajaan ketika ini. Dengan meletakkan Khairy, ini akan boleh melonjakkan dan membantu Kementerian Kesihatan (KKM) menangani

COVID-19 dengan baik dan sempurna.

S: Bagaimanakah pula dengan pelantikan tiga muka lama dalam kerajaan Barisan Nasional (BN) dahulu kerana ada yang bimbang mengenai prestasi mereka?

J: Mereka ada pengalaman sebagai Jemaah Menteri, sekali gus tahu selok-belok perjalanan Kabinet. Seperti Datuk Seri Mahdzir Khalid, beliau bukan saja pemimpin tertinggi parti, bahkan berpengalaman luas sebagai menteri dan Menteri Besar yang sangat sesuai menerajui Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Begitu juga Tan Sri Noh Omar yang kini dilantik Menteri Pembangunan Usahawan. Kedua-dua portfolio ini sangat penting dalam membangunkan sektor ekonomi rakyat terutama Melayu dan Bumiputera.

Begitu juga pelantikan Datuk Seri Shahidan Kassim yang pernah berada dalam Kabinet BN dan pernah menjadi Menteri Besar.

Dengan pengalaman ini, saya percaya mereka tidak mengambil masa lama memahami selok-belok kerajaan. Ke-

BH, 29/06/2021, m/s 13 (6-10) Nasional

utamaannya Perdana Menteri saya kira berteraskan pengalaman luas dalam kerajaan dan kebolehan kepimpinan diadukan bersama supaya memudahkan tumpuan diberikan kepada agenda menangani krisis dan membangunkan sektor ekonomi.

S: Sejaauh mana pelantikan dua muka baharu, iaitu Timbalan Presiden BERSATU, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu sebagai Menteri Belia dan Sukan serta Naib Presiden PAS, Senator Idris Ahmad sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) boleh dikaitkan dengan pengagihan kerusi mengikut parti politik?

J: Kedua-dua pelantikan ini memang berkait dengan jawatan dalam parti masing-masing. Seperti Ahmad Faizal, pelantikannya sangat tepat kerana jawatan Timbalan Presiden adalah hierarki tertinggi parti selepas Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak lagi dalam Kabinet.

Ahmad Faizal juga ada pengalaman sebagai Menteri Belia dan Sukan, jadi saya kira tidak ada masalah untuk menyesuaikan

kan diri sebagai menteri. Maka, wujud keseimbangan baik berdasarkan parti politik dalam Kabinet ini.

Begitu juga pelantikan Idris kerana beliau pemimpin kanan parti. Keseimbangan pelantikan menteri mengikut parti politik penting untuk kestabilan kerajaan supaya tidak timbul polemik dan konflik akan menyukarkan pentadbiran kerajaan.

Jika semua parti berpuas hati, mereka akan memberikan sokongan dan dukungan kepada Perdana Menteri untuk meneruskan agenda negara.

S: Sejaauh mana Kabinet ini akan dapat menepati sasaran Perdana Menteri seperti di gariskan ketika mengumumkankannya?

J: Gabungan mereka muka lama dan berpengalaman dengan orang baharu dalam Kabinet adalah gandingan baik kerana mereka lebih memahami, peka serta arif dengan program mahu dilaksanakan kerajaan.

Ini dapat meningkatkan keberkesanan menteri dipertanggungjawabkan. Dalam kesuntukan masa, sudah tentu Perdana Menteri memilih pasukan yang beliau kenali

dan mempunyai prestasi boleh diharapkan.

Dengan pasukan baik ini, kerajaan akan dapat memberi tumpuan agenda utama menangani pandemik dan membangunkan sektor ekonomi. Proses vaksinasi memuaskan ketika ini sudah tentu menuntut lebih banyak sektor ekonomi dibuka semula. Justeru, apabila ekonomi dibuka sudah tentu ini dapat menarik semula pelabur asing.

S: Sejaauh mana persepsi mengangap tidak banyak berubah berbanding Kabinet kerajaan terdahulu?

J: Wujud persepsi sedemikian bukan masalalah besar. Apa yang lebih utama kepada Perdana Menteri adalah memastikan kestabilan politik itu dicapai. Oleh itu, beliau melantik pemimpin biasa dan menyokong beliau sebelum ini yang akan memantapkan pentadbirannya. Melantik mereka yang baharu

mungkin akan menimbulkan isu baharu apabila tidak memahami selok-belok dan dasar pentadbiran hingga menganggu-gugat kelancaran kerajaan. Objektif utama kerajaan untuk tempoh tidak sampai dua tahun ini adalah satu pasukan memahami antara satu sama lain dan boleh bekerja dalam pasukan.

Saya percaya sebab itu Perdana Menteri mengekalkan muka lama dalam Kabinet supaya kestabilan politik dapat memastikan kerajaan mampu menguruskan negara, terutama mengatasi pandemik COVID-19 dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

S: Apakah pandangan Prof mengenai beberapa nama diangap kurang memuaskan hati sebahagian rakyat, tetapi



masih tersenarai?
J: Memang ada individu dilantik dalam Kabinet ini dalam kalangan tidak menunjukkan prestasi memberangsangkan. Namun, ia atas dasar perpaduan sesama parti komponen membentuk kerajaan.

Saya pasti jika ada peluang, sudah tentu Perdana Menteri hanya mahu melantik mereka mempunyai prestasi lebih baik dan boleh membuat kerja terutamanya dalam tempoh singkat. Jika kita lihat komposisi parti, sudah tentu beliau mendapatkan nasihat daripada kepimpinan parti komponen untuk meletakkan wakil mereka.

Saya tidak menolak kemungkinan ada nama disenaraikan parti politik ini tidak mempunyai prestasi baik dalam Kabinet terdahulu tetapi demi memastikan kesepaduan dan permuafakatan erat, Perdana Menteri tetap melantik mereka.

Ini kerana permuafakatan dan kerjasama itu lebih penting untuk mengekalkan kestabilan kerajaan. Perdana Menteri terpaksa akur terdapat pimpinan tidak begitu cemerlang dan menerimanya untuk memastikan kerajaan dibentuk terus stabil hingga habis penggal.